

PERANAN PENSYARAH

Pensyarah perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut :

1. Memahami, menghayati dan mematuhi segala panduan dan syarat-syarat yang digariskan dalam dokumen ini.
2. Mengambil tindakan yang sewajarnya bersesuaian dengan panduan dan syarat penganugerahan yang digariskan iaitu :
 - a. Menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum pengajian yang telah ditetapkan; dan
 - b. Memastikan kehadiran pelajar 100% dalam kuliah, tutorial, kelas, praktikum, gerak kerja kokurikulum dan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang lain berhubung dengan kursus pengajiannya atau apa-apa aktiviti yang diadualkan oleh IPG.
3. Mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan panduan dan nasihat daripada penyelaras program, Setiausaha Akademik, Ketua Jabatan, Timbalan Pengarah dan Pengarah sekiranya mempunyai sebarang permasalahan akademik.
4. Mengambil akauntabiliti sepenuhnya terhadap sebarang kesan ketidaktepatan dalam perkara yang telah ditetapkan dalam buku panduan dan syarat penganugerahan.

PERANAN PELAJAR

Pelajar perlu menyempurnakan tanggungjawab berikut :

1. Memahami, menghayati dan mematuhi segala panduan dan syarat-syarat yang digariskan dalam dokumen ini.
2. Mengambil tindakan yang sewajarnya bersesuaian dengan panduan dan syarat penganugerahan yang digariskan iaitu :
 - a. Menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum pengajian yang ditetapkan; dan
 - b. Kehadiran 100% dalam kuliah, tutorial, kelas, praktikum, gerak kerja kokurikulum dan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang lain berhubung dengan kursus pengajiannya atau apa-apa aktiviti yang diadualkan oleh IPG.
3. Mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan panduan dan nasihat daripada penyelaras program, Setiausaha Akademik, Ketua Jabatan, Timbalan Pengarah dan Pengarah sekiranya mempunyai sebarang permasalahan akademik.
4. Mengambil akauntabiliti sepenuhnya terhadap sebarang kesan ketidaktepatan dalam perkara yang telah ditetapkan dalam buku panduan dan syarat penganugerahan.